

Headline	Laporan kemajuan PSPTN untuk tahun pertama	Language	MALAY
Date	06. Sep 2008	Page No	11a,12a
Media Title	Utusan Malaysia	Article Size	762 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	238082	Color	Full Color
Readership	833287	AdValue	10734.69



Laporan kemajuan PSPTN untuk tahun pertama



KECEMERLANGAN pengajian tinggi negara ditandai oleh bertambahnya bilangan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang mendapat ijazah setiap kali majlis konvokesyen universiti tempatan berlangsung. - Gambar hiasan

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi (KPT) melalui Menteri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin telah membentangkan Laporan kemajuan pelaksanaan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi tempoh Ogos 2007 sehingga Jun 2008 dalam satu sidang media di Putrajaya baru-baru ini.

Laporan menyeluruh pelan tersebut adalah seperti berikut:

TERAS 1 : MELUASKAN AKSES DAN MENINGKATKAN EKUITI

i. Enrolmen pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) telah meningkat sebanyak 13.3 peratus atau seramai 9,355 orang iaitu dari seramai 748,130 orang pada tahun 2006 kepada seramai 847,485 orang pada tahun lalu.

Mereka meruntut di 20 buah IPT Awam (IPTA), 525 IPT Swasta (IPTS), 24 buah politeknik dan 37 kolej komuniti.

ii. Pada tahun lalu jumlah peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah seramai 1,110,091 orang berbanding 949,527 orang pada tahun 2006.

Ini menunjukkan peningkatan jumlah peminjam sebanyak 16.9 peratus atau seramai 160,564 orang.

Jumlah bayaran balik pinjaman pada tahun lalu telah meningkat sebanyak 53.1 peratus iaitu RM294,754,200 berbanding tahun 2006 iaitu sebanyak RM-192,499,700.

Sehingga 30 April 2008, jumlah bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM87,886,400.

iii. Untuk meningkatkan ekuiti pengajian tinggi bagi pelajar-pelajar cemerlang dan memerlukan bantuan, beberapa skim bantuan kewangan telah dan terus dilaksanakan.

TERAS 2: MENAMBAH BAIK KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

i. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah ditubuhkan pada 1 November tahun lalu dan bertanggungjawab melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) di semua institusi pengajian dan latihan.

ii. Sistem Penarafan Pengajian Tinggi (SETARA) dan Kajian Reputasi Akademik (ARES) telah diperkenalkan dan hasil penarafan dan kajian telah diumumkan.

iii. Semakan kurikulum secara eks-tensif dalam bidang-bidang tertentu telah dimulakan pada tahun 2006 dan akan terus dilakukan dalam tempoh antara tiga sehingga lima tahun selepas dilaksanakan mengikut jenis kursus.

iv. Kursi pengajian baru telah ditubuhkan iaitu Kursi Ungku Aziz menge-

nai kemiskinan di Universiti Malaya (UM), Kursi Nordin Sophie mengenai hal ehwal antarabangsa di Universiti Sains Malaysia (USM), Kursi Tun Ghafar Baba mengenai Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kursi Syeikh Abdullah Fahim mengenai Islam Hadhari di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

v. Bilangan pensyarah di IPTA yang mempunyai doktor falsafah (PhD) telah meningkat sebanyak 18 peratus atau 926 orang iaitu dari 5,183 orang pada tahun 2006 kepada 6,109 orang pada tahun lalu.

Sehingga tahun lalu, jumlah pensyarah yang mempunyai kelulusan PhD adalah sebanyak 40 peratus.

Skim Hadiah Latihan Tenaga Pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti sedang menaja 63 orang bagi program sarjana dan 21 orang bagi program PhD pada tahun lalu.

Sementara itu, seramai 55 orang akan mengikuti pengajian di peringkat sarjana dan 22 orang di peringkat PhD pada tahun ini.

vi. Kesemua 20 buah IPTA telah memperkenalkan kurikulum baru melalui pengenalan Modul-modul Kemahiran Insaniah, Keusahawanan dan Hubungan Etnik untuk mempertingkatkan kebolehpasaran graduan.

vii. Hubungan antara universiti dan industri telah dipergiatkan seperti program latihan industri di Infosys Technologies Limited dan juga latihan (*attachment*) pensyarah di Satyam Computer

Services Ltd. di India.

Program *internship* juga telah diadakan dengan industri.

Di samping itu, KPT dan SMIDEC akan membuat *roll-out* bagi program penempatan pelajar IKS dengan melibatkan penyertaan semua IPTA.

viii. KPT telah melaksanakan beberapa kursus pensijilan seperti Microsoft dan CISCO melalui sebuah syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan.

Program ini dimulakan pada tahun 2006 dengan penglibatan 1,000 orang graduan universiti dan pada tahun lalu pula melibatkan lebih 3,000 orang graduan IPT.

Program ini akan diteruskan sehingga tahun 2010 dengan jumlah peserta hampir 4,000 orang setahun.

xi. Susulan daripada penjenamaan semula kolej komuniti pada Februari tahun lalu, kursus-kursus diploma berasaskan *Work Based Learning* (WBL) di kolej komuniti telah diperkenalkan dengan kerjasama 36 buah syarikat.

**TERAS 3: MEMPERTEGUKAN
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

i. Sebanyak empat buah universiti iaitu UM, USM, UKM dan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan pada Oktober 2006.

ii. Di bawah Dana Sains Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, sebanyak RM153.0 juta telah diagihkan kepada

para penyelidik universiti bagi membiayai 899 projek pada tahun 2006.

Pada tahun lalu, sebanyak RM148.32 juta telah diagihkan untuk membiayai sebanyak 742 projek.

iii. Di bawah Dana Techno Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, IPTA telah menerima peruntukan sebanyak RM80.48 juta pada tahun 2006 dan sebanyak RM6.1 juta pada tahun lalu untuk melaksanakan penyelidikan yang berasaskan teknologi.

iv. Sebanyak RM157 juta daripada RM200 juta Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di bawah KPT telah diagihkan untuk melaksanakan kajian-kajian fundamental.

v. Sehingga tahun lalu, daripada 362 produk penyelidikan yang dihasilkan oleh 16 buah IPTA, sebanyak 54 produk telah dikomersialkan dengan jumlah hasil sebanyak RM45.3 juta, sebanyak 66 produk dalam proses untuk dikomersialkan dan sebanyak 242 produk lagi berpotensi untuk dikomersialkan.

TERAS 4: MEMPERKASA IPT

i. Sebanyak sembilan buah IPTA mengemukakan pencalonan untuk menjadi Universiti Apex (*Accelerated Programme for Excellence*).

Perakuan universiti itu oleh jawatankuasa khas akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada bulan ini untuk menentukan IPT yang layak dan sesuai dijadikan Universiti Apex.

ii. Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) telah dibawa kepada Jemaah Menteri pada bulan lalu dan dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi semasa persidangan Parlimen.

Pindaan yang telah mendapat kelulusan itu akan memberi kesan besar kepada PSPTN kerana ia bakal menyentuh mengenai persekitaran yang kondusif di IPTA, kecemerlangan, autonomi dan pengantarabangsaan.

Pindaan terhadap Akta Pengajian Tinggi Swasta (1996) telah dibawa untuk pertimbangan Jemaah Menteri pada bulan ini dan akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada sesi semasa Parlimen.

iii. Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) yang telah ditubuhkan pada Januari lalu telah menganjurkan sebanyak sepuluh program pembangunan kepimpinan IPT.

Beberapa program berprofil tinggi melibatkan pemudah cara dari Universiti Harvard telah dilaksanakan.

iv. Kerjasama strategik telah diwujudkan di antara IPT dengan beberapa majikan seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Bank Negara Ma-

laysia, Khazanah Nasional Berhad, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) bagi membolehkan pakar di luar IPT berkhidmat di universiti di samping menyediakan peluang kepada lebih ramai pelajar menjalankan program latihan industri.

v. Sebanyak tiga buah IPTS iaitu Twintech, Management and Science University (MSU) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) telah diperkasakan sebagai *champion* melalui program *collegiate* BCIC2 dalam usaha mewujudkan pemangkin kepada pembangunan *edupreneurs* dan kelestarian pembangunan IPTS yang lain.

TERAS 5: PENGANTARABANGSAAN

i. Sehingga akhir tahun lalu seramai 47,928 pelajar antarabangsa daripada lebih 150 buah negara sedang menuntut di IPTS dan IPTA berbanding 44,390 pelajar pada tahun 2006.

Kedatangan pelajar antarabangsa ini menghasilkan anggaran pendapatan negara melebihi RM1.0 billion setahun.

Kebanyakan pelajar tersebut adalah dari Indonesia, China, Bangladesh dan negara-negara Timur Tengah.

ii. Menerusi memorandum persefahaman (MOU) antara gabungan IPTA dengan tiga buah IPT ternama di luar negara, seramai 28 pelajar sedang mengikuti program *Split* Ph.D iaitu tujuh pelajar dengan Imperial College of London, seramai 15 pelajar dengan University of Nottingham dan seramai enam pelajar dengan University of Melbourne.

iii. Pada tahun lalu, Kursi Pengajian Melayu telah ditubuhkan di Beijing Foreign Studies University, China dan pada tahun ini di Hankuk University, Korea.

Ini adalah tambahan kepada kursi yang sedia ada di Leiden University, Belanda, Kursi Tun Razak di Ohio, Amerika Syarikat (AS) dan Kursi Pengajian Melayu di Wellington, New Zealand.

TERAS 6: MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

i. Jumlah enrolmen PSH bagi IPTA (UM, USM, UKM, UPM, UTM, UUM dan UiTM) pada tahun lalu adalah seramai 38,581 orang.

ii. IPTS utama yang menyediakan peluang untuk PSH ialah Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dengan enrolmen pel-

ajar seramai 51,876 orang, UNITAR dengan enrolmen pelajar seramai 7,330 orang dan Universiti Terbuka Wawasan (WOU) dengan enrolmen pelajar seramai 1,063 orang.

iii. Pada tahun ini, jumlah peserta PSH di kolej komuniti adalah melebihi 70,000 orang berbanding seramai lebih 40,000 orang bagi tahun lalu.

TERAS 7: MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN KPT

i. KPT akan berperanan sebagai pemudah cara ke arah pewujudan kece-merlangan pengajian tinggi.

Sehubungan itu, Pelan Transformasi Kementerian Pengajian Tinggi Negara telah dilancarkan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 13 Jun lalu.